



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## SIARAN MEDIA

### PUSAT SOKONGAN SOSIAL SETEMPAT (PSSS) TRANSIT PERTAMA DI MALAYSIA

**RANTAU PANJANG, 20 FEBRUARI** - Hari ini, YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah merasmikan Pusat Sokongan Sosial Setempat Transit di Rantau Panjang, Kelantan.

Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) Transit ini merupakan inisiatif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Yayasan Kebajikan Negara (YKN) bagi membantu menangani isu psikososial dalam masyarakat khususnya golongan sasaran di bawah KPWKM. Bangunan PSSS Transit ini merupakan sebahagian daripada bekas kuarters kakitangan Kastam Diraja Malaysia. Ianya telah diserahkan kepada KPWKM pada 26 September 2021 dan mula kerja pengubahsuaian mengikut spesifikasi keperluan Pusat Sokongan Sosial Setempat Transit.

Pusat ini menyediakan perkhidmatan bantuan psikososial yang holistik dengan sesi bimbingan dan kaunseling, sokongan emosi, mengurangkan tekanan melampau transit sementara berbentuk *immediate relief* dan menjadi pusat penerimaan aduan dan intervensi awal sebelum dirujuk kepada jabatan atau agensi kerajaan yang berkaitan.

Pengoperasian PSSS Transit ini mendapat kerjasama Kaunselor Berdaftar daripada Lembaga Kaunselor Malaysia, PERKESO, Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Lembaga Pembangunan Penduduk Keluarga Negara (LPPKN), Institut Sosial Malaysia (ISM), Talian Kasih 15999 (KPWKM). Selain itu, jabatan dan agensi kerajaan lain yang turut terlibat antaranya Jabatan Kebajikan

Masyarakat (JKM), D11 Polis Diraja Malaysia dan One Stop Crisis Centre (OSCC), Hospital Raja Perempuan Zainab II.

Inisiatif ini telah mula dijalankan sejak 2021 dengan menawarkan perkhidmatan secara bergerak (PSSS Mobile) terus ke kawasan tumpuan ramai, berhampiran dengan kawasan kediaman dan kawasan penempatan pendalaman bagi memudahkan masyarakat mendapatkan perkhidmatan yang ditawarkan. Sehingga kini seramai **44,783** orang telah mendapatkan khidmat bantuan psikososial di seluruh negara. Penubuhan PSSS Transit adalah rentetan dan maklum balas daripada klien dan jabatan agensi berkaitan melalui kes-kes program *outreach* perkhidmatan PSSS Mobile ke seluruh negara. Penubuhannya selaras dengan konsep Malaysia MADANI yang merupakan suatu ikhtiar secara bersepadu dan holistik untuk menjadikan segala dasar dan pelaksanaan di Malaysia lebih manusiawi serta sentiasa ditambah baik menerusi musyawarah dan maklum balas rakyat.

YB Dato' Sri juga turut menyeru agar masyarakat sentiasa peka dan prihatin terhadap orang sekeliling khususnya keluarga, saudara atau jiran terdekat yang memerlukan bantuan psikososial bagi isu kemurungan, keganasan rumah tangga, pasca penceraian, pengabaian, penderaan, gangguan seksual, pemerdagangan manusia, kesihatan mental, ketagihan dadah serta rujukan kebajikan untuk mendapatkan bantuan intervensi awal di PSSS.

Turuh hadir sama ialah YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWK, YB Dato' Hajah Siti Zailah Binti Mohd Yusoff, Ahli Parlimen Rantau Panjang, Puan Nordina binti Haron, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Kebajikan Negara dan wakil pegawai kementerian, jabatan dan agensi.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
20 FEBRUARI 2024**